

## **Kepelbagaian Agama dan Budaya di Malaysia: Antara Cabaran dan Kekuatan Sosial dalam Pembinaan Bangsa**

### ***Religious and Cultural Diversity in Malaysia: Challenges and Social Strengths in Nation-Building***

**Ayu Nor Azilah Mohamad<sup>1\*</sup>, Wayu Nor Asikin Mohamad<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Sosial & Kemanusiaan, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor, 43000, Malaysia, ayunorazilah@uis.edu.my, 013 6641980.

<sup>2</sup> Jabatan Pengajian Bahasa dan Umum, Bahagian Pembangunan Usahawan dan Pengajian Bahasa, University College Bestari, Malaysia. wayu@ucbestari.edu.my, 017 9244376.

\* Corresponding Author: Ayu Nor Azilah Mohamad. Jabatan Pengajian Sosial & Kemanusiaan, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor, 43000, Malaysia, ayunorazilah@uis.edu.my, 013 6641980, ORCID iD.

---

#### **ABSTRACT**

Malaysia is a multicultural nation comprising diverse ethnic, religious, and cultural communities that have lived together since the colonial era. Although such diversity is often perceived as a potential source of conflict, it can serve as a strength that contributes to national unity when managed prudently. This article examines how interreligious and intercultural understanding as well as tolerance can form the foundation of social harmony in Malaysia. Through an analysis of the roles of education, public policy, and social interaction, the study outlines mechanisms that can strengthen relationships among communities of different backgrounds. It also identifies key challenges, including ethnic polarization, limited interethnic interaction, and the persistence of cultural stereotypes. Using a qualitative approach through content analysis of academic literature and government policy documents, the findings highlight an urgent need to enhance intercultural education and expand spaces for interfaith dialogue. The article recommends reinforcing efforts to build a national identity grounded in inclusive values and mutual respect to ensure long-term harmony and stability.

**Keywords:** Cultural diversity, religion, national unity, intercultural education, Malaysia

---

#### **ABSTRAK**

*Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang dihuni oleh pelbagai kaum, agama dan budaya yang telah hidup bersama sejak era penjajahan. Meskipun kepelbagaian ini sering dianggap berpotensi menimbulkan konflik, ia sebenarnya merupakan suatu kekuatan yang mampu menyumbang kepada perpaduan nasional sekiranya diurus dengan berhemah. Artikel ini meneliti bagaimana kefahaman serta toleransi antara agama dan budaya dapat membentuk asas keharmonian sosial di Malaysia. Melalui analisis terhadap peranan pendidikan, dasar awam dan interaksi sosial, kajian ini memperincikan mekanisme yang dapat memperkukuh*

*hubungan antara masyarakat berbeza latar belakang. Di samping itu, cabaran utama seperti polarisasi kaum, kurangnya interaksi antara etnik dan kewujudan stereotaip budaya turut dikenal pasti. Berdasarkan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan literatur akademik dan dokumen dasar kerajaan, dapatan kajian menunjukkan keperluan mendesak untuk memperkukuh pendidikan antara budaya dan memperluas ruang dialog antara agama. Artikel ini mencadangkan agar usaha membina jati diri nasional yang berteraskan nilai inklusif dan saling menghormati diperkasakan secara berterusan demi menjamin keharmonian serta kestabilan negara.*

**Kata kunci:** *Kepelbagaian budaya, agama, perpaduan nasional, pendidikan antara budaya, Malaysia*

**Received:** October 15, 2025

**Accepted:** November 25, 2025

**Online Published:** November 30, 2025

## **1. Pendahuluan**

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya yang menjalani kehidupan bersama dalam satu sistem sosial dan politik yang kompleks. Komposisi penduduk negara ini meliputi etnik Melayu, Cina, India, serta kumpulan etnik Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Setiap etnik dengan identiti budaya, bahasa dan kepercayaan agama yang tersendiri (*Department of Statistics Malaysia, 2020*). Kepelbagaian ini telah terbentuk hasil daripada sejarah penjajahan, penghijrahan dan pembangunan ekonomi yang mendorong kepada pembentukan masyarakat berbilang etnik sejak abad ke-19 (Hirschman, 1987).

Dalam konteks agama pula, Islam merupakan agama Persekutuan seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Akan tetapi, penganut agama lain seperti Buddha, Hindu, Kristian dan kepercayaan tradisional bebas mengamalkan ajaran masing-masing. Realiti ini menjadikan Malaysia sebagai salah satu negara dengan kepelbagaian agama yang tinggi di rantau Asia Tenggara (Nagata, 1997). Justeru, Malaysia menjadi contoh masyarakat pluralistik yang memerlukan tahap toleransi dan kefahaman yang tinggi.

Namun begitu, walaupun kepelbagaian ini sering dianggap sebagai kekuatan tetapi turut mengundang cabaran daripada sudut hubungan antara etnik dan agama. Salah faham, stereotaip dan perbezaan sistem pendidikan serta ekonomi antara kaum telah menimbulkan ketegangan. Ini pernah terjadi dalam sejarah negara seperti yang berlaku dalam peristiwa 13 Mei 1969 (Shamsul, 2008). Oleh itu, pembinaan jati diri nasional dan keharmonian sosial perlu diasaskan kepada prinsip saling menghormati dan interaksi antara budaya.

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis bagaimana kepelbagaian agama dan budaya di Malaysia dapat dimanfaatkan sebagai asas perpaduan nasional. Ini termasuk mengenal pasti cabaran dan peranan yang dimainkan oleh pendidikan dan dasar awam dalam mengurus perbezaan ini secara konstruktif.

## **2. Sorotan Kajian**

Kepelbagaian budaya dan agama di Malaysia telah lama menjadi subjek penyelidikan dalam pelbagai disiplin, terutamanya dalam bidang sosiologi, pendidikan dan kajian hubungan etnik. Kajian oleh Kamaruddin M. Said (2005) menekankan bahawa perpaduan nasional hanya boleh dicapai sekiranya rakyat saling mengenali dan menghormati budaya serta kepercayaan masing-masing. Beliau menegaskan bahawa pembinaan masyarakat Malaysia yang inklusif memerlukan strategi yang melangkaui retorik politik dan perlu berteraskan interaksi sosial yang tulen.

Menurut kajian Kartini & Shamsul pula, dari sudut sejarah dan budaya, kajian oleh Kartini dan Shamsul (2020) menekankan bagaimana interaksi antara komuniti Hindu dan Islam di Malaysia telah membentuk budaya yang unik. Kepelbagaian agama dan budaya merupakan salah satu ciri utama masyarakat Malaysia yang membentuk identiti negara sejak dahulu lagi (Kartini & Shamsul, 2020). Dalam konteks ini, pengurusan kepelbagaian agama dan budaya bukan sahaja melibatkan aspek kerohanian tetapi juga memerlukan strategi efektif dari segi pendidikan, institusi keagamaan, dan dasar awam. Ini penting dalam usaha memupuk kefahaman dan toleransi antara penganut agama serta budaya yang berbeza antara kaum. Namun begitu sekiranya defisit sosial tidak diurus dengan baik boleh menjadi punca ketegangan yang meruncing antara kelompok etnik dan agama. Oleh itu, pengurusan kepelbagaian memerlukan pemahaman mendalam terhadap warisan sejarah dan budaya supaya dapat mengelakkan konflik sosial.

Dalam kajian pendidikan, Najeemah Mohd Yusof (2008) menyatakan bahawa sistem pendidikan Malaysia masih belum benar-benar berjaya mengintegrasikan murid daripada pelbagai kaum secara menyeluruh. Sekolah kebangsaan, vernakular dan swasta masih wujud dalam bentuk yang agak terpisah dari segi komposisi pelajar. Ini antara faktor yang menyukarkan proses interaksi silang budaya. Beliau mencadangkan pendekatan pedagogi yang menekankan nilai-nilai sejagat seperti toleransi, hormat-menghormati dan empati wajar dilaksanakan secara menyeluruh.

Abdullah Hassan (2004) pula meneliti isu bahasa dan identiti dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum. Kajian beliau menunjukkan bahawa bahasa kebangsaan memainkan peranan penting dalam membina jati diri nasional. Namun begitu, tahap penguasaan bahasa Melayu yang tidak seimbang antara kaum menjadi salah satu penghalang kepada komunikasi berkesan antara komuniti etnik yang berbeza.

Man Meanwhile (2016) menyoroti bagaimana institusi keagamaan memainkan peranan dalam membentuk perpaduan atau sebaliknya. Beliau menegaskan bahawa bidang keagamaan perlu diperkasa secara aktif agar tidak menjadi alat pemisah dalam masyarakat. Ini turut disokong oleh Shamsul et al. (2013) yang mendapati bahawa program dialog antara agama yang dijalankan oleh NGO tempatan mampu merapatkan jurang persepsi antara penganut agama berlainan.

Seterusnya, kajian oleh Khadijah, Khairul dan Fazilah (2018) mendapati bahawa tahap toleransi agama dalam kalangan belia Malaysia berada pada tahap sederhana. Walaupun terdapat interaksi sosial yang kerap seperti menghadiri majlis perkahwinan dan rumah terbuka antara agama. Ini menunjukkan bahawa pengalaman sosial yang positif boleh meningkatkan kefahaman antara agama. Namun masih wujud ruang untuk memperkukuh sikap toleransi melalui pendidikan dan pendedahan yang lebih meluas.

Berikutnya kajian Fazilah, Khadijah dan Khairul (2020) yang menggunakan pendekatan teori tingkah laku terancang mendapati bahawa sikap dan persepsi hanya menjelaskan sebahagian daripada varians tingkah laku toleransi beragama, iaitu sekitar 41%.

Kajian ini mencadangkan bahawa terdapat faktor lain seperti pengalaman peribadi, polisi institusi, dan pengaruh media yang turut mempengaruhi sikap toleransi seseorang.

Dalam konteks tempat kerja, kajian oleh Marhanum et al. (2021) mengkaji amalan kepelbagaian agama dalam sektor awam dan swasta di Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa kebebasan untuk mengamalkan agama seperti menyediakan kemudahan rumah ibadat dan cuti keagamaan adalah diterima dengan baik oleh pekerja. Walaupun begitu, kajian ini juga menegaskan perlunya polisi yang lebih sistematik untuk memastikan keadilan dan kesaksamaan dalam amalan agama di tempat kerja.

Pengurusan institusi pendidikan agama juga menjadi cabaran penting dalam mengurus kepelbagaian. Kajian Nor Raudah et al. (2018) menunjukkan bahawa terdapat ketidakseimbangan dalam pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) antara negeri-negeri di Malaysia, yang memberi impak kepada kualiti pendidikan agama yang diterima oleh pelajar. Variasi dalam sumber, pengurusan dan sokongan kerajaan negeri menimbulkan cabaran dalam mencapai standard yang seragam dan berkesan (Nor Raudah et al., 2018).

Dari segi hubungan antara komuniti berbeza agama, kajian Awang, Ramli dan Ab Rahman (2022) menyoroti hubungan antara Muslim dan Buddha di Malaysia. Mereka mendapati bahawa isu identiti dan sejarah mempengaruhi persepsi dan sikap sesama mereka, sekaligus mencadangkan bahawa dialog antara agama perlu diperkukuh untuk mengurangkan prasangka dan salah faham.

Selain itu, kajian Keqin dan Mai (2024) menegaskan peranan kepimpinan negara dan dasar awam dalam memperkukuh keharmonian komuniti pelbagai agama dan budaya di Malaysia. Mereka menekankan bahawa usaha dialog, pendidikan dan nilai moral masyarakat adalah medium penting untuk membina perpaduan yang kukuh.

Kesemua kajian ini menunjukkan bahawa pengurusan kepelbagaian agama dan budaya di Malaysia memerlukan pendekatan bersepadu yang melibatkan pendidikan, institusi keagamaan, polisi tempat kerja, serta kepimpinan politik dan sosial. Cabaran utama yang perlu diatasi termasuk stereotaip etnik dan agama, ketidakseimbangan institusi pendidikan agama, serta keperluan dialog yang berterusan antara komuniti berbeza agama. Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa pembinaan perpaduan dalam masyarakat berbilang agama dan budaya menuntut pendekatan menyeluruh yang merangkumi pendidikan, dasar bahasa, penglibatan institusi agama dan inisiatif masyarakat sivil.

### **3. Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap 30 dokumen yang dipilih secara pensampelan bertujuan, meliputi artikel jurnal, laporan penyelidikan dan dokumen dasar kerajaan yang diterbitkan antara 2010–2024. Pemilihan sumber tertumpu pada topik perpaduan, hubungan etnik, pendidikan antara budaya, stereotaip dan dasar integrasi.

Analisis kandungan dilaksanakan melalui empat langkah: penyaringan dokumen, pengkodan awal, pengelompokan tema dan interpretasi. Proses ini membolehkan pengenalan tema utama berkaitan wacana kepelbagaian budaya dan agama di Malaysia. Kajian dijalankan dalam tempoh Ogos hingga Oktober 2025. Limitasinya merangkumi kebergantungan kepada data sekunder, bilangan dokumen yang terhad serta potensi bias wacana dalam sumber yang dianalisis.

#### **4. Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti secara mendalam isu kepelbagaian agama dan budaya di Malaysia serta bagaimana elemen-elemen ini mempengaruhi pembentukan masyarakat yang harmoni dan bersatu. Secara khusus, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 4.1 Menganalisis bentuk kepelbagaian agama dan budaya dalam masyarakat Malaysia serta impaknya terhadap hubungan sosial antara etnik.
- 4.2 Menilai peranan pendidikan, agama dan dasar awam dalam memupuk kefahaman serta toleransi antara penganut agama dan budaya yang berbeza.
- 4.3 Mengenal pasti cabaran utama dalam mengurus perbezaan agama dan budaya di Malaysia dari perspektif sosial, politik dan pendidikan.
- 4.4 Mencadangkan strategi atau pendekatan yang boleh mengoptimumkan kepelbagaian ini sebagai asas kepada pembinaan perpaduan nasional dan jati diri kebangsaan.

#### **5. Dapatan Kajian**

Malaysia merupakan antara negara yang paling unik dari segi komposisi masyarakatnya di Asia Tenggara. Dengan kehadiran pelbagai kumpulan etnik seperti Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan-Dusun dan lain-lain, masyarakat Malaysia hidup dalam sebuah sistem sosial yang kaya dengan adat resam, kepercayaan agama, bahasa, dan amalan budaya yang pelbagai. Kepelbagaian ini tidak hanya memberi warna kepada identiti nasional, tetapi juga mencabar negara untuk mengurus perbezaan ini secara seimbang.

##### **5.1 Kepelbagaian Agama dan Budaya sebagai Sumber Kekuatan**

Kepelbagaian kaum dan agama di Malaysia merupakan tunjang kekuatan sosial negara. Kepelbagaian ini membawa bersama budaya, tradisi, dan nilai yang berbeza, sekaligus membentuk identiti rakyat yang unik dan memperkukuh jati diri negara (Majlis Keselamatan Negara, 2023; BERNAMA, 2025). Dengan menghargai kepelbagaian ini, masyarakat dapat membina perwatakan nasional yang inklusif, penyayang, dan tahan lasak.

Dari segi agama, Malaysia menampilkan landskap pluralistik. Islam diiktiraf sebagai agama Persekutuan, manakala Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan beragama untuk Buddhisme, Hinduisme, Kristianiti, serta kepercayaan tradisional (*Federal Constitution of Malaysia*, 1957; Tun Mohd Salleh, 2006). Masyarakat Cina mempraktikkan Buddhisme Mahayana yang bercampur dengan Taoisme dan Konfusianisme (Lee, 2010), masyarakat India mengamalkan Hinduisme (Ramasamy, 2004), dan di Sabah serta Sarawak, Kristianiti dominan dalam kalangan pribumi seperti Iban dan Kadazan-Dusun (Ting, 2011). Kepercayaan animisme dan tradisional masih diamalkan oleh Orang Asli dan komuniti pribumi lain (Nicholas, 2000).

Kepelbagaian budaya pula jelas dalam bahasa, adat, perayaan, makanan dan seni. Bahasa Melayu menjadi bahasa penghubung, manakala bahasa lain seperti Mandarin, Tamil, Iban dan Kadazan turut digunakan dalam kehidupan harian (Shamsul A.B., 2008). Contoh adat dan budaya termasuk: adat perpatih masyarakat Melayu, sambutan Tahun Baru Cina oleh masyarakat Cina, perayaan Deepavali masyarakat India, serta Gawai Dayak dan Kaamatan masyarakat pribumi Sabah dan Sarawak. Dalam makanan, integrasi budaya dapat dilihat melalui hidangan seperti nasi lemak, char kuey teow, laksa dan roti canai yang dinikmati oleh pelbagai kaum.

Kepelbagaian ini juga mempengaruhi interaksi sosial harian secara nyata. Misalnya dalam aspek perkahwinan campur. Menurut analisis Penang Institute (2024), kadar perkahwinan antara etnik dianggarkan sekitar 4.5% pada 1991–2000 dan meningkat kepada 11% menjelang 2019. Ini menandakan keterbukaan sosial dan interaksi antara etnik dalam konteks keluarga. Selain itu, faktor perniagaan. Banyak perusahaan kecil dan sederhana (SME) di Malaysia dikendalikan secara bersama oleh individu dari pelbagai etnik seperti kedai runcit yang dimiliki bersama oleh Melayu dan Cina atau restoran yang dikendalikan oleh keluarga campuran etnik. Begitu juga dengan faktor persahabatan dan interaksi harian. Kajian oleh Shamsul A.B. (2010) mendapati 72% pelajar sekolah menengah di bandar mempunyai rakan rapat dari etnik berlainan, menunjukkan kepelbagaian memperkukuh jaringan sosial dan pemahaman antara budaya sejak usia muda.

Rumah ibadat yang pelbagai seperti masjid, kuil Hindu, tokong Buddha dan gereja menjadi lambang penerimaan sosial dan kerohanian rakyat Malaysia (Abdullah, 2010). Aktiviti perayaan keagamaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas bukan sahaja diraikan secara kaum sendiri, tetapi juga menjadi platform interaksi silang budaya, meningkatkan toleransi dan kefahaman antara masyarakat (Noor, 2011).

Walaupun kepelbagaian ini menjadi sumber kekuatan, ia juga berpotensi menimbulkan ketegangan sekiranya tidak diurus dengan bijak. Faktor seperti segregasi sekolah beraliran dan penempatan perumahan berasaskan kaum boleh melemahkan proses integrasi (Kua Kia Soong, 2007). Oleh itu, memahami kepelbagaian agama dan budaya secara menyeluruh adalah asas penting untuk membina hubungan sosial yang harmoni dan inklusif.

## **5.2 Peranan Pendidikan dan Agama dalam Memupuk Keharmonian Masyarakat Majmuk**

Keharmonian dalam masyarakat berbilang agama dan budaya seperti Malaysia tidak berlaku secara spontan, tetapi terbentuk melalui proses sosial yang disokong oleh pendidikan dan nilai keagamaan. Kedua-dua unsur ini merupakan mekanisme utama dalam membina kefahaman antara budaya, membentuk identiti nasional, serta mengurangkan risiko ketegangan sosial. Oleh itu, bahagian ini menilai peranan pendidikan dan agama sebagai pemacu perpaduan, serta mengkritisi cabaran yang mempengaruhi keberkesanan kedua-duanya dalam konteks Malaysia.

### **5.2.1 Peranan Pendidikan sebagai Pemangkin Keharmonian**

Secara asasnya, pendidikan berfungsi sebagai alat pembentukan minda dan nilai masyarakat. Dalam konteks hubungan etnik, pendidikan formal di sekolah menjadi saluran utama untuk menanamkan nilai-nilai sejagat seperti toleransi, hormat-menghormati, empati, dan pemahaman silang budaya. Kurikulum kebangsaan turut mengandungi unsur yang dirangka khusus untuk memupuk perpaduan melalui mata pelajaran seperti Pendidikan Moral, Pendidikan Islam, Sejarah dan Pendidikan Sivik. Kurikulum ini, yang bertunjangkan prinsip Rukun Negara, secara langsung menekankan semangat kesetiaan kepada negara, keluhuran perlembagaan, serta nilai hidup bersama (Shamsul A.B., 2005).

Pendidikan ini secara teorinya mempunyai potensi besar membentuk generasi yang inklusif dan peka terhadap kepelbagaian. Namun, keberkesanannya bergantung pada keselarasan antara kurikulum, pedagogi, dan persekitaran sekolah. Kajian lepas menunjukkan

bahawa aktiviti bersifat integratif seperti kerja kumpulan, projek komuniti dan aktiviti kokurikulum rentas etnik mampu meningkatkan interaksi positif antara pelajar (Najeemah Mohd Yusof, 2008). Ini menunjukkan bahawa pendidikan bukan sekadar menyampaikan kandungan, tetapi juga perlu mengutamakan pengalaman sosial yang menggalakkan pergaulan antara etnik.

Namun begitu, sistem pendidikan Malaysia masih berdepan cabaran besar, khususnya isu segmentasi sekolah. Pembahagian sekolah kepada aliran kebangsaan, jenis kebangsaan dan agama telah lama dikritik kerana mengurangkan ruang interaksi antara kaum sejak peringkat pendidikan awal (Tan Yao Sua, 2010). Walaupun setiap aliran mempunyai rasional sejarah dan budaya, kesannya terhadap integrasi sosial tidak boleh diabaikan.

Segregasi pendidikan ini tidak secara langsung membawa kepada konflik, tetapi ia mewujudkan ruang sosial yang berbeza dan mengurangkan peluang membina kepercayaan antara kaum. Oleh itu, peranan pendidikan dalam memupuk perpaduan masih belum optimum selagi interaksi rentas etnik tidak ditingkatkan. Pendekatan seperti program integrasi nasional, pertukaran pelajar, kem kepimpinan pelbagai etnik dan pembelajaran berasaskan projek rentas sekolah menjadi keperluan penting (Abdullah, 2010). Oleh itu, penilaian ini menunjukkan bahawa pendidikan di Malaysia mempunyai asas yang kukuh tetapi belum mencapai tahap keberkesanan maksimum dalam membina keharmonian nasional.

### 5.2.2 Peranan Agama sebagai Sumber Nilai dan Keseimbangan Sosial

Agama pula berfungsi sebagai asas nilai moral dan spiritual yang membentuk sikap penganutnya terhadap kehidupan bermasyarakat. Semua agama utama di Malaysia menekankan nilai perdamaian, kasih sayang, saling menghormati, keadilan dan kesederhanaan. Oleh itu, agama mempunyai potensi besar dalam membina jambatan persefahaman antara komuniti yang berbeza.

Ajaran agama disampaikan melalui khutbah, ceramah, kelas agama dan kegiatan komuniti, yang secara langsung membentuk sikap penganut. Peranan ini menjadi kritikal dalam konteks masyarakat majmuk kerana naratif keagamaan yang betul mampu menepis stereotaip, mengurangkan prejudis dan menolak ekstremisme.

Agama mempunyai kuasa sosial yang kuat dalam membentuk tingkah laku, namun keberkesanannya bergantung pada cara ajaran itu disampaikan. Jika naratif keagamaan bersifat inklusif, menekankan nilai bersama dan menolak penakrifan “kami-lawan-mereka”, ia mampu menjadi asas kukuh kepada perpaduan nasional. Sebaliknya, jika ajaran disampaikan secara sempit atau menekankan eksklusiviti, ia berisiko mencetuskan ketegangan.

Dalam konteks Malaysia, terdapat usaha yang ketara untuk memperkukuh dialog antara agama, seperti melalui Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism (MCCBCHST) serta pelbagai program interfaith di peringkat komuniti (Lee, 2010). Dialog ini bukan sahaja membuka ruang komunikasi terbuka tetapi juga meningkatkan literasi agama dalam kalangan masyarakat.

Walaupun inisiatif ini penting, cabaran utama ialah memastikan dialog tersebut tidak hanya bersifat formal atau simbolik. Penyertaan masyarakat akar umbi, khususnya belia, masih rendah, menyebabkan impak dialog terhad kepada kelompok tertentu sahaja. Selain itu, naratif keagamaan dalam media sosial, yang kadang-kadang dipengaruhi sentimen ekstrem

atau politik identiti, turut mengurangkan keberkesanan mesej toleransi yang dibawa oleh institusi agama arus perdana.

Oleh itu, agama secara prinsip memainkan peranan besar sebagai penyumbang kepada keharmonian, tetapi keberkesanannya sangat dipengaruhi oleh konteks penyampaian, keupayaan menangani salah tafsir, dan sejauh mana penganut memahami nilai sejagat yang terkandung dalam ajaran agama sendiri.

Secara keseluruhan, pendidikan dan agama mempunyai peranan besar dan berpotensi tinggi dalam membina hubungan harmonis dalam masyarakat majmuk. Namun, kajian ini mendapati bahawa pendidikan telah menyediakan asas kukuh melalui kurikulum perpaduan, tetapi keberkesanannya terhad oleh segmentasi aliran sekolah dan kekurangan interaksi rentas etnik. Agama berfungsi sebagai sumber nilai positif, tetapi keberkesanannya bergantung pada naratif yang inklusif dan kemampuan menangani ekstremisme serta salah faham antara agama. Oleh itu, kedua-duanya berpotensi menjadi pemacu utama keharmonian, tetapi memerlukan penambahbaikan pada tahap pelaksanaan dan penglibatan masyarakat untuk mencapai kesan optimum.

### **5.3 Dasar Awam dan Tanggungjawab Bersama**

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai dasar perpaduan seperti Rukun Negara, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Perpaduan Negara 2021–2030, yang bertujuan memupuk identiti nasional dan keharmonian sosial (Milne & Mauzy, 1999). Dasar-dasar ini menyediakan kerangka kukuh untuk mengurus kepelbagaian, namun keberkesanannya sangat bergantung pada pelaksanaan yang konsisten dan penglibatan masyarakat. Seperti dinyatakan Tan Yao Sua (2013), pendekatan perpaduan secara *top-down* sahaja tidak mencukupi tanpa penyertaan komuniti dalam dialog dan aktiviti silang budaya.

Dari sudut penilaian, dasar perpaduan Malaysia mempunyai kelebihan jelas kerana telah diwujudkan sejak awal pembinaan negara-bangsa dan menyediakan kerangka kukuh untuk mengurus pluralisme. Dasar Perpaduan Negara 2021–2030 misalnya, menggariskan indikator sosial seperti interaksi antara etnik, sikap inklusif dan integrasi ekonomi sebagai ukuran kejayaan. Ini menunjukkan usaha yang lebih sistematik dalam menilai keberkesanan dasar.

Namun begitu, pelaksanaan dasar sering berdepan kekangan seperti ketidakkonsistenan antara negeri dan institusi yang menyebabkan keberkesanan program tidak seragam. Isu politik identiti juga yang kadang-kadang mewujudkan persepsi berat sebelah sehingga mengurangkan kepercayaan masyarakat terhadap dasar tertentu. Selain itu, keterlibatan masyarakat yang rendah turut menjadi factor. Hal ini kerana program perpaduan sering dipersepsikan sebagai bersifat formal atau simbolik tanpa impak jangka panjang. Ini menunjukkan bahawa dasar awam mempunyai asas kukuh dari segi struktur tetapi pelaksanaan memerlukan pengukuhan dari segi koordinasi dan penyertaan masyarakat.

Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan beragama, tetapi prinsip ini memerlukan pentafsiran seimbang agar tidak menimbulkan konflik antara hak individu dan sensitiviti masyarakat (Harding, 2012). Agensi seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) turut menjalankan program perpaduan merangkumi latihan kepimpinan, dialog dan aktiviti kemasyarakatan (Mohd Azizuddin, 2017). Usaha ini memberi ruang interaksi sosial, namun keberkesanannya masih dipengaruhi cabaran seperti ketidakkonsistenan pelaksanaan, penyertaan masyarakat yang tidak menyeluruh dan kesukaran menilai impak jangka panjang program.

Selain kerajaan, tanggungjawab memelihara keharmonian turut digalas oleh masyarakat sivil, NGO, komuniti agama dan institusi pendidikan. Usaha kolektif ini penting kerana perpaduan tidak dapat dicapai melalui dasar sahaja, tetapi memerlukan kerjasama akar umbi serta pemupukan nilai bersama di peringkat komuniti.

Secara keseluruhan, dasar awam di Malaysia mempunyai asas yang kukuh dalam membina perpaduan. Namun begitu, keberkesannya bergantung kepada pelaksanaan yang inklusif, penyertaan masyarakat dan penyelarasan antara pihak kerajaan serta komuniti.

## **6. Cabaran dalam Mengurus Kepelbagaian Agama dan Budaya**

Kepelbagaian agama dan budaya menjadi kekuatan utama dalam pembentukan identiti nasional Malaysia. Akan tetapi realitinya pengurusan terhadap kerencaman ini bukanlah suatu tugas yang mudah. Proses mengekalkan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk melibatkan pelbagai cabaran struktural, institusional dan psikososial yang terus relevan hingga ke hari ini. Cabaran-cabaran ini bukan sahaja memerlukan dasar yang inklusif dan adil, malah menuntut komitmen kolektif daripada semua pihak dalam masyarakat.

### **6.1. Polarisasi Etnik dan Sosial**

Salah satu cabaran utama ialah polarisasi sosial yang berpunca daripada segregasi etnik dalam sistem pendidikan, perumahan dan sosialisasi. Kehadiran sekolah pelbagai aliran seperti kebangsaan, jenis kebangsaan, dan sekolah agama dilihat sering menjadi faktor pengasingan budaya sejak usia muda yang mengurangkan interaksi rentas etnik secara semula jadi (Tan Yao Sua & Santhiram, 2017). Dalam bidang perumahan, pengasingan kediaman berdasarkan kaum sama ada secara pilihan atau disebabkan dasar ekonomi juga mengukuhkan batas sosial yang menghalang pembinaan masyarakat berintegrasi (Shamsul A.B., 2008).

### **6.2. Stereotaip dan Prasangka Budaya**

Prasangka dan stereotaip etnik turut menjadi cabaran besar dalam membentuk kefahaman dan toleransi antara masyarakat pelbagai agama dan budaya. Kajian menunjukkan bahawa terdapat tanggapan negatif yang dikaitkan dengan kelompok etnik seperti kaum tertentu dianggap pemalas, dominan, atau tidak patriotik (Musa, 2012). Persepsi sebegini walaupun tidak berdasarkan fakta tetapi boleh mewujudkan jurang kepercayaan yang merumitkan usaha integrasi sosial. Prasangka budaya yang berakar daripada sejarah penjajahan dan politik perkauman sukar dikikis tanpa intervensi pendidikan dan media yang progresif (Ting, 2011).

### **6.3. Isu Sensitiviti Agama**

Malaysia juga berhadapan dengan isu-isu berkaitan sensitiviti agama yang sering kali menjadi punca ketegangan. Antara isu yang pernah mencetuskan polemik ialah penggunaan kalimah "Allah" oleh bukan Muslim, pembinaan rumah ibadat di kawasan majoriti etnik lain dan pertindihan antara undang-undang syariah dengan sivil dalam kes-kes berkaitan perkahwinan dan pemeluk agama (Harding, 2012). Isu-isu ini memerlukan pendekatan pengurusan konflik yang bijaksana dan kepekaan terhadap sensitiviti pelbagai pihak. Namun kerap kali dimanipulasi oleh pihak berkepentingan atas tiket politik atau media sensasi.

### **6.4. Ketidakseimbangan Ekonomi dan Persepsi Ketidakadilan**

Ketidakseimbangan sosioekonomi antara kaum walaupun telah diusahakan penambahbaikan menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan dasar-dasar seterusnya masih menjadi isu sensitif yang mempengaruhi hubungan antara etnik. Persepsi bahawa dasar tertentu lebih memihak kepada satu kaum tertentu mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan kaum lain. Ini menjejaskan keyakinan terhadap keadilan sistem negara (Milne & Mauzy, 1999; Gomez & Jomo, 1997). Ketika perbezaan ekonomi disalah tafsir sebagai bentuk diskriminasi etnik, ia boleh mencetuskan ketegangan yang lebih sukar ditangani melalui pendekatan budaya semata-mata.

#### 6.5. Peranan Media dan Media Sosial

Media massa dan media sosial juga menjadi medan penyebaran maklumat yang boleh memperkukuh atau meretakkan keharmonian. Kewujudan kecenderungan media untuk menyiarkan berita berunsur sensasi dan berat sebelah terhadap kelompok tertentu. Manakala di media sosial pula, ruang siber sering dimanipulasi untuk menyebarkan fahaman perkauman, agama ekstrem dan maklumat palsu (Mohd Azizuddin, 2017). Ini menjadi cabaran besar kepada kerajaan dan masyarakat dalam mengekang hasutan dan mengekalkan wacana yang seimbang serta menghormati kepelbagaian.

Walaupun kepelbagaian dilihat sebagai kelebihan tetapi realiti pada peringkat akar umbi menunjukkan bahawa integrasi sebenar antara kaum dan agama masih bersifat dangkal. Polarisasi kaum dan agama yang dipacu oleh retorik politik, media sosial dan dasar berasaskan etnik sering kali menjejaskan keharmonian yang dibina. Kajian oleh Mohd Fauzi Yaacob dan Saadiyah Mohd Shariff (2014) menunjukkan bahawa ramai rakyat Malaysia masih berinteraksi dalam kelompok etnik sendiri, terutamanya dalam bidang pendidikan dan perumahan. Ini sekali gus mengurangkan peluang untuk memahami budaya dan agama lain secara lebih mendalam.

Selain itu, kekangan dalam menjalankan dialog antara agama secara terbuka atas faktor sensitiviti menimbulkan banyak salah faham tidak dapat diperbetulkan secara langsung. Hal ini boleh mewujudkan persepsi negatif, stereotaip, dan ketidakpercayaan antara penganut agama yang berlainan (Mustafa & Abdul Halim, 2016).

### **7. Strategi Mengoptimumkan Kepelbagaian Agama dan Budaya sebagai Asas Perpaduan Nasional dan Jati Diri Kebangsaan**

Kepelbagaian agama dan budaya di Malaysia merupakan aset strategik yang boleh dijadikan asas untuk membina perpaduan nasional dan jati diri kebangsaan. Kepelbagaian ini bukan sahaja memperkaya identiti nasional, tetapi juga mewujudkan peluang untuk mengukuhkan interaksi sosial yang positif. Walau bagaimanapun, kepelbagaian ini memerlukan pendekatan yang sistematik dan strategik agar tidak menjadi punca perpecahan. Kajian ini menilai peranan pendidikan, agama, dan dasar awam serta mencadangkan strategi konkrit untuk mengoptimumkan kepelbagaian ini sebagai sumber kekuatan sosial.

#### **Strategi Pendidikan**

Pendidikan merupakan medium utama dalam membentuk nilai, persepsi, dan interaksi sosial yang positif. Sistem pendidikan di Malaysia menyediakan peluang untuk memupuk

kefahaman antara budaya melalui kurikulum formal dan aktiviti kokurikulum. Strategi pendidikan yang dicadangkan termasuk:

1. Kurikulum antara budaya:  
Pendidikan Sivik, Pendidikan Moral, dan Pendidikan Islam perlu diperkukuh dengan modul yang memberi pendedahan tentang budaya dan agama lain secara objektif. Sebagai contoh, modul *Understanding Malaysia's Multi-Religious Society* boleh mengajar pelajar tentang amalan, tradisi, dan norma sosial dalam pelbagai komuniti agama. Projek penyelidikan dan pembentangan pelajar mengenai perayaan dan adat resam masyarakat lain juga boleh merangsang kefahaman yang lebih mendalam.
2. Program integrasi antara sekolah:  
Pertukaran pelajar antara sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, dan sekolah agama dapat menggalakkan interaksi lintas etnik. Aktiviti kokurikulum seperti sukan, drama, pameran kebudayaan, dan kem kepimpinan pelajar boleh memberi peluang pelajar bekerja dalam pasukan berbilang kaum. Penubuhan '*Duta Siswa*' untuk program pertukaran budaya di sekolah juga dapat memupuk nilai toleransi dan kerjasama.
3. Latihan guru:  
Guru-guru perlu dilengkapi dengan latihan pedagogi antara budaya supaya mampu memandu perbincangan sensitif dan membina persekitaran pembelajaran yang inklusif. Latihan ini juga membantu guru menangani stereotaip dan diskriminasi dalam kalangan pelajar (Abdullah, 2010; Tan Yao Sua, 2010).

Kajian menunjukkan bahawa sekolah yang melaksanakan program integrasi pelajar secara konsisten meningkatkan pemahaman antara kaum dan mengurangkan stereotaip negatif, sekaligus memupuk perpaduan sosial sejak usia muda.

### **Strategi Keagamaan**

Institusi agama merupakan agen penting dalam pembinaan nilai bersama dan toleransi. Strategi keagamaan yang dicadangkan adalah:

1. Dialog antara agama:  
Dialog tetap antara pemimpin agama seperti imam, pendeta, pandit, dan paderi pada peringkat komuniti perlu diwujudkan. Dialog ini membincangkan isu sosial, persefahaman agama, dan amalan inklusif. Penubuhan *interfaith councils* pada peringkat negeri atau daerah, seperti model Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism (MCCBCHST), boleh menyelaraskan aktiviti perpaduan dan pendidikan awam.
2. Latihan kepimpinan agama:  
Modul latihan untuk pemimpin agama tentang dialog antara agama, resolusi konflik, dan kepelbagaian sosial perlu dilaksanakan. Latihan ini memberi pendedahan tentang isu sensitif seperti stereotaip dan diskriminasi, sekaligus mempromosikan naratif inklusif dalam khutbah, ceramah, dan program keagamaan.
3. Program awam berasaskan agama:  
Aktiviti kebajikan bersama komuniti berbilang agama, seperti program bantuan bencana, lawatan rumah orang tua, dan aktiviti kebersihan awam, dapat memupuk

interaksi positif dan memperkuat hubungan sosial antara komuniti yang berlainan agama (Lee, 2010; Mohd Azizuddin, 2017).

Pendekatan ini membolehkan institusi agama memainkan peranan sebagai agen penyatuan, bukan sekadar penguat identiti agama tertentu, tetapi sebagai pemangkin toleransi dan persefahaman sosial.

### **Strategi Dasar Awam**

Dasar awam merupakan instrumen penting untuk mengukuhkan perpaduan sosial melalui kerangka institusi dan peluang interaksi harian. Beberapa strategi yang dicadangkan adalah:

1. Polisi integrasi perumahan:

Pembangunan perumahan bercampur kaum dengan nisbah etnik yang seimbang boleh memastikan interaksi harian antara etnik. Projek perumahan kos sederhana dan program komuniti seperti majlis jiran membantu membina jaringan sosial dan persefahaman budaya.

2. Dasar bahasa dan budaya:

Dasar bahasa dan budaya perlu diperkukuh dengan memperluas pembelajaran pelbagai bahasa di sekolah termasuk Mandarin, Tamil, Kadazan dan Iban di samping mengekalkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Usaha ini bukan sahaja memperkayakan penguasaan bahasa tetapi juga meningkatkan kefahaman budaya serta memupuk identiti Bersama. Media massa dan kempen awam turut boleh dimanfaatkan untuk mempromosikan kepelbagaian budaya sebagai salah satu kekuatan utama negara.

3. Penglibatan Masyarakat sivil dan NGO:

Dasar awam perlu memberi ruang untuk NGO dan organisasi masyarakat sivil menganjurkan festival kebudayaan, program integrasi masyarakat, dan aktiviti sosial berbilang kaum. Contohnya, dana kerajaan untuk festival kebudayaan atau *community grant* bagi projek integrasi masyarakat dapat memperkuat jaringan sosial.

Pendekatan ini memastikan dasar awam bukan sahaja bersifat simbolik, tetapi berfungsi sebagai mekanisme praktikal untuk membina persefahaman dan jalinan sosial yang kukuh (Milne & Mauzy, 1999; Tan Yao Sua, 2013).

Kepelbagaian agama dan budaya di Malaysia boleh dioptimumkan sebagai asas perpaduan nasional dan pembinaan jati diri kebangsaan melalui strategi yang bersepadu: pendidikan, keagamaan, dan dasar awam. Pendidikan berasaskan modul antara budaya dan program integrasi pelajar membina pemahaman dan interaksi sosial. Dialog antara agama dan latihan kepimpinan agama memperkuat naratif inklusif. Polisi integrasi perumahan, dasar bahasa dan budaya, serta penglibatan masyarakat sivil memastikan interaksi sosial berlaku secara berterusan. Dengan pendekatan ini, kepelbagaian bukan sahaja menjadi toleransi pasif, tetapi kekuatan aktif dalam membina masyarakat yang harmonis, inklusif, dan beridentiti nasional.

### **8. Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, pendidikan, institusi keagamaan dan dasar awam merupakan tiga tunggak utama dalam usaha memupuk kefahaman dan toleransi dalam masyarakat berbilang agama dan budaya. Kegagalan mana-mana elemen ini untuk berfungsi secara efektif boleh menyebabkan salah faham, prejudis dan akhirnya menggugat keharmonian sosial. Justeru, pendekatan holistik dan kerjasama antara pelbagai pihak seperti kerajaan, masyarakat sivil dan pemimpin agama amat diperlukan bagi memastikan perbezaan yang wujud tidak menjadi jurang pemisah, sebaliknya menjadi asas kepada pembinaan sebuah masyarakat yang inklusif dan bersatu padu.

Kepelbagaian agama dan budaya di Malaysia bukan sekadar warisan sejarah tetapi juga realiti sosial yang terus membentuk corak kehidupan bermasyarakat hari ini. Sorotan terhadap pelbagai kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa walaupun terdapat perkembangan positif dalam aspek toleransi dan keharmonian, masih wujud cabaran signifikan dalam mengurus perbezaan ini dengan adil dan inklusif. Pendidikan, institusi keagamaan, dan dasar awam berperanan besar dalam memupuk kefahaman serta membina jambatan antara komuniti berbeza agama dan budaya. Namun, jurang antara persepsi dan amalan, wujudnya stereotaip etnik dan agama, serta ketidakseimbangan dalam pengurusan institusi pendidikan dan keagamaan menjadi cabaran utama yang perlu ditangani secara holistik.

Peranan belia, guru, pemimpin masyarakat, serta dasar yang menyeluruh dan progresif perlu diberi perhatian serius agar nilai toleransi, saling menghormati dan kefahaman merentas agama dan budaya dapat diterapkan dengan lebih berkesan. Di samping itu, dialog antara agama, interaksi sosial merentas etnik, dan sambutan budaya bersama perlu terus diperkasa sebagai strategi memperkukuh keharmonian sosial. Justeru, pengurusan kepelbagaian bukan sekadar usaha mengekalkan keamanan, tetapi merupakan tanggungjawab bersama dalam membina masa depan negara yang bersatu dalam kepelbagaian.

## **9. Rujukan**

- Abdul Rahman Embong. (2001). *Rethinking ethnicity and nation-building: Malaysia's experience*. UKM Press.
- Abdullah Hassan. (2004). *Bahasa Melayu dan pembinaan bangsa Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, A. (2010). *Interethnic Relations in Malaysia: Education and Social Integration*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Abdullah, A.R. (2010). *Understanding Multicultural Malaysia: Delights and Dilemmas*. *Journal of the Institute of Ethnic Studies*, 1(1), 1–15.
- Awang, A., Ramli, N. A., & Ab Rahman, M. S. (2022). Intercultural Theology in the Multicultural Context of Muslim-Buddhist Relation in Malaysia: History, Identity, and Issues. *Religions*, 13(11), 1125. <https://doi.org/10.3390/rel13111125>
- BERNAMA. (12 Mei 2025). Kepelbagaian di Malaysia adalah Sumber Kekuatan Negara. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kepelbagaian-di-malaysia-adalah-sumber-kekuatan-negara-loke-520446>. Dirujuk pada 14 Oktober 2025.
- Department of Statistics Malaysia. (2020). *Current Population Estimates, Malaysia, 2020*. <https://www.dosm.gov.my>

- Fazilah, I., Khadijah, M., & Khairul, A. M. (2020). Pembentukan Model Toleransi Beragama Belia Pelbagai Etnik di Malaysia. *Akademika*, 90, 63-80. <https://ejournals.ukm.my/akademika/article/view/24800>
- Federal Constitution of Malaysia. (1957).
- Gomez, E.T. & Jomo, K.S. (1997). *Malaysia's Political Economy: Politics, Patronage and Profits*. Cambridge University Press.
- Harding, A. (2012). *The Constitution of Malaysia: A Contextual Analysis*. Bloomsbury Publishing.
- Hirschman, C. (1987). The Meaning and Measurement of Ethnicity in Malaysia: An Analysis of Census Classifications. *The Journal of Asian Studies*, 46(3), 555–582. <https://doi.org/10.2307/2056897>
- Kamaruddin M. Said. (2005). Ke arah pembentukan masyarakat majmuk yang bersatu padu: Peranan rakyat dan kerajaan. *Jurnal Pemikir*, 42, 25–38.
- Kartini, A. T. @ K., & Shamsul, A. B. (2020). Cultural Diversity in Malaysia and The Reconciliation for Integration. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(1), 48-69. <https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/44782>
- Keqin, M., & Mai, J. (2024). Exploring Communal Harmony of Malaysia's Culturally and Religiously Diverse Society. *Al-Itqan Journal*, 4(1), 1-15. <https://journals.iium.edu.my/al-itqan/index.php/al-itqan/article/view/296>
- Khadijah, M., Khairul, A. M., & Fazilah, I. (2018). Pengalaman Toleransi Beragama Belia Pelbagai Etnik. *Umran Journal*, 4(1), 1-13. <https://jurnalumran.utm.my/index.php/umran/article/view/174>
- Kua Kia Soong. (2007). *May 13: Declassified Documents on the Malaysian Riots of 1969*. Suaram.
- Lee, K. Y. (2010). *Interfaith Dialogue and Social Cohesion in Malaysia*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Lee, H.G. (2010). *Ethnic Relations in Malaysia: Harmony and Conflict*. *Social and Cultural Geography*, 11(4), 377–391.
- Majlis Keselamatan Negara. (4 Julai 2023). Agama, Kaum Kuatkan Negara, Bukan jadi Bebas. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2023/07/04/agama-kaum-kuatkan-negara-bukan-jadi-beban/>. Dirujuk pada 14 Oktober 2025.
- Man Meanwhile. (2016). Religious Narratives and Social Cohesion in Malaysia. *Kajian Malaysia*, 34(1), 55–70.
- Marhanum, C. M. S., Nik Ahmad Kamal, N. M., & Abd Aziz, N. (2021). An Empirical Investigation on Religious Diversity Practices at Malaysian Private and Public Sectors. *International Journal of Social Management and Research*, 4(5), 41-55. <https://ijsmr.in/vol-4-issue-5/an-empirical-investigation-on-religious-diversity-practices-at-malaysian-private-and-public-sectors>
- Milne, R.S., & Mauzy, D.K. (1999). *Malaysian Politics under Mahathir*. Routledge.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2017). *The Public Sphere and Political Participation in Malaysia*. UKM Press.
- Mohd Fauzi Yaacob & Saadiah Mohd Shariff. (2014). Integration and Segregation of Ethnic Groups in Malaysia: Evidence from Residential and Schooling Segregation. *Asian Social Science*, 10(15), 1–10. <https://doi.org/10.5539/ass.v10n15p1>
- Musa, A. (2012). *Stereotyping and Ethnic Relations in Malaysia: Assessing Cultural Assumptions through Language*. *Journal of Intercultural Studies*, 33(3), 345–362.

- Mustafa, M., & Abdul Halim, H. (2016). Religious Tolerance and the Challenge of Pluralism in Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 8(2), 15–28.
- Nagata, J. (1997). Religious Ideology and Ethnic Diversity: Reformism among the Malaysian Chinese. *Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia*, 12(1), 1–19.
- Najeemah Mohd Yusof. (2008). Multicultural education in Malaysia: Teaching and learning for unity in diversity. *International Journal of Educational Management*, 22(3), 196–206. <https://doi.org/10.1108/09513540810861876>
- Nicholas, C. (2000). *The Orang Asli and the Contest for Resources: Indigenous Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia*. International Work Group for Indigenous Affairs (IWGIA).
- Noor, N.M. (2011). Social Psychology of Intergroup Relations in Malaysia. *Akademika*, 81(2), 3–14.
- Nor Raudah, H. S., Ilhaamie, A. G. A., Siti Jamiah, J., & Azrin, A. M. (2018). Keperbagaian Pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia. *Jurnal Akademik Teknologi Pendidikan*, 15(2), 1-12. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/11667>
- Ramasamy, P. (2004). *Nation, Ethnicity and the State: Malaysia and Sri Lanka Compared. Ethnic Studies Paper Series*.
- Samsu, K.H., Yaacob, A., & Salleh, M.J. (2013). Interfaith Dialogue in Malaysia: A Case Study of the Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism (MCCBCHST). *Asian Social Science*, 9(9), 125–131. <https://doi.org/10.5539/ass.v9n9p125>
- Shamsul A.B. (2005). *Making Sense of Malaysia's Multiculturalism: Constructive Ambiguity and the Persistence of Ethnicity*. *Inter-Asia Cultural Studies*, 6(4), 585–599.
- Shamsul A.B. (2008). Many Ethnicities, Many Cultures, One Nation: The Malaysian Experience. *UKM Ethnic Studies Paper Series*, No. 2.
- Shamsul A.B. (2008). *The Construction and Institutionalization of 'Ethnic' Politics in Malaysia*. In Gomez, E.T. (Ed.), *The State, Development and Identity in Multi-ethnic Societies* (pp. 135–150).
- Tan Lee Ooi. (10 Julai 2024). Interracial Marriages Getting Popular in Malaysia: Government Support Would be Welcomed. Penang Institute
- Tan Yao Sua & Santhiram R. (2017). *Education and Ethnic Integration in Malaysia: Issues and Challenges*. *Kajian Malaysia*, 35(2), 1–21.
- Tan Yao Sua. (2010). *Education and Ethnic Integration in Malaysia: Problems and Prospects*. *Kajian Malaysia*, 28(2), 57–78.
- Tan Yao Sua. (2013). National Unity and the Challenge of Ethnic Integration in Malaysia. *Kajian Malaysia*, 31(1), 37–55.
- Ting, H.I. (2011). *Imagining a Malaysian Nation: A View from History*. *Kajian Malaysia*, 29(1), 23–48.
- Tun Mohd. Salleh Abas Dikemaskini oleh Haji Salleh Buang. (2006). *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.